

FAKTOR KEWUJUDAN SINONIM DALAM BAHASA MELAYU DAN ARAB : SATU ANALISIS PERBANDINGAN

NOOR ELIZA ABDUL RAHMAN
Universiti Sultan Zainal Abidin
nooreliza@unisza.edu.my

MOHD SHAHRIZAL NASIR
Universiti Sultan Zainal Abidin
mohdshahrizal@unisza.edu.my

ABSTRAK

Setiap bahasa di dunia mempunyai ciri-ciri tersendiri terutamanya yang melibatkan aspek linguistik. Bahasa Melayu dan bahasa Arab merupakan antara bahasa-bahasa di dunia yang mempunyai ciri-ciri istimewa dari aspek linguistiknya. Sinonim merupakan sebahagian daripada aspek yang dilihat menyerlahkan keistimewaan dan identiti bahasa Melayu dan Arab. Selain itu, sinonim mempunyai signifikansi yang jelas dalam pembentukan kosa kata sesuatu bahasa. Makalah ini membincangkan faktor-faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dan Arab. Selain daripada melihat faktor-faktor tersebut, makalah ini juga membuat perbandingan antara faktor-faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dan Arab. Berdasarkan analisis perbandingan yang dilakukan, didapati bahawa peminjaman bahasa menjadi faktor penting bagi kedua-dua bahasa dalam melahirkan kata sinonim. Dari sudut perbezaan pula, bahasa Arab didapati telah mengumpul banyak sinonim daripada dialek-dialek yang saling berbeza dan hal ini tidak begitu menyerlah dalam bahasa Melayu. Kajian mengenai sinonim ini wajar diperluaskan kerana kepentingannya bagi tujuan memelihara identiti sesuatu bahasa, selain sebagai satu medium untuk memperkayakan perbendaharaan kata bahasa tersebut.

Kata kunci: sinonim; faktor kewujudan; bahasa Melayu; bahasa Arab; kosa kata

EXISTENCE FACTOR OF SYNONYM IN MALAY AND ARABIC LANGUAGES : A COMPARATIVE ANALYSIS

ABSTRACT

Every language in the world has its own characteristics particularly in linguistic aspect. Malay and Arabic are among the languages in the world that have special characteristics of their linguistic aspects. Synonym is part of the aspects which highlight the specialty and identity of Malay and Arabic languages. In addition, the synonym has its own significance in the formation of language vocabulary. This article discusses the existence factors of synonym in Malay and Arabic languages. Apart from looking at these factors, this article also makes a comparison between the existence factors of synonym in both Malay and Arabic languages. Based on a comparative analysis, it appears that the borrowing language is a significant factor in both languages in introducing synonym. From this point of difference, the Arabic language was found to have a lot of synonyms from several dialects and this is not the case in Malay language. The study of synonym should be extended because of its importance in preserving the identity of a language, as well as a medium to enrich the vocabulary of the language.

Keywords: synonym; existence factor; Malay language; Arabic language; vocabulary

PENDAHULUAN

Sinonim merupakan salah satu bidang semantik dalam komponen ilmu Linguistik. Bidang ini menyentuh struktur makna atau hubungan antara makna perkataan. Sinonim juga berkait rapat dengan aspek pengembangan kosa kata dan pengayaan sesuatu bahasa. Bahasa Melayu dan bahasa Arab dianggap sebagai bahasa yang sama-sama memperlihatkan perkembangan dalam usaha memperluaskan kosa kata. Perkembangan bahasa ini berlaku kerana faktor-faktor tertentu yang wujud dalam kehidupan kedua-dua masyarakat ini, iaitu Melayu dan juga Arab.

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang melahirkan sinonim dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab dan membuat perbandingan antara kedua-duanya. Pemerhatian terhadap faktor-faktor ini penting untuk melihat sejarah pertumbuhan dan perkembangan bahasa serta kesannya kepada kehidupan masyarakat Melayu dan Arab hari ini. Kajian tentang perkembangan bahasa bukan sahaja dapat memberi pendedahan tentang cara hidup sesuatu bangsa dalam memartabatkan bahasa mereka, malah membolehkan setiap individu khususnya pakar bahasa untuk membuat perbandingan, mengambil pengajaran, mencari kelemahan yang ada seterusnya meneroka dimensi baru dalam usaha memartabatkan sesuatu bahasa.

Dari sudut bahasa, perkataan sinonim diambil daripada bahasa Inggeris iaitu 'synonymy'. Perkataan ini berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *onoma* yang bermaksud *nama* dan *syn* yang bererti *dengan* (Pateda, 1986: 100). Menurut Tarigan (1985: 17) pula, perkataan sinonim terdiri daripada perkataan *sin* yang bermaksud *sama* atau *serupa* dan *onim* yang bermaksud *nama*. Dari sudut istilah pula, Raminah dan Rahim (1985: 280) menyatakan bahawa "Sinonim ialah kata-kata dalam sesuatu bahasa yang mempunyai makna yang hampir-hampir sama. Kata-kata itu dikatakan mempunyai makna yang hampir sama kerana sebenarnya perkataan-perkataan itu bukanlah seratus-peratus sama maknanya antara satu sama lain."

Dalam bahasa Arab sinonim disebut sebagai ترادف (*taraduf*). Dari sudut bahasa *taraduf* berasal daripada perkataan ردف (*radafa*) yang bermaksud mengikut atau menurut. Dalam al-Mu'jam al-Wasit (t.th.: 339) terdapat dua pengertian *taraduf*. Pengertian pertama ialah ركب أحدهما خلف الآخر (salah satunya menunggang di belakang yang satu lagi). Pengertian yang kedua pula ialah ترادف الكلمتين أن تكونا بمعنى واحد (Dua perkataan yang saling mengikut untuk menjadi satu makna). Perkataan ردف juga terdapat disebut dalam al-Quran menerusi surah al-Nazi'at (79: 7): تتبعها الرادفة yang bermaksud tiupan yang pertama itu diikuti oleh tiupan kedua.

Dari sudut istilah pula, Ibn Jinni (t.th.: 113), seorang pakar bahasa Arab yang hidup pada kurun keempat hijrah, mendefinisikan *taraduf* sebagai تلاقي المعاني على اختلاف الأصول والمباني (Terjemahan: Pertemuan makna di sebalik perbezaan akar kata dan struktur binaan). Dalam definisi yang dikemukakan, Ibn Jinni berpendapat bahawa *taraduf* ialah satu fenomena persamaan atau perkongsian makna antara perkataan-perkataan yang berbeza pada asal binaannya. Contohnya perkataan الخليفة berasal daripada akar kata خلق (*khalaqa*) sedangkan kata sinonimnya seperti perkataan الطيبة yang berasal daripada akar kata طبع (*taba'a*). Namun kedua-dua perkataan ini mempunyai makna yang sama. Al-Antaki (t.th.: 380), seorang pakar linguistik Arab kontemporari pula mendefinisikan *taraduf* sebagai دلالة الألفاظ المختلفة على المعنى الواحد (Terjemahan: Beberapa perkataan yang berbeza yang menunjukkan kepada satu makna).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah analisis kontrastif. Analisis kontrastif atau analisis bezaan ditakrifkan sebagai satu kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan (Kamus Linguistik, 1997: 11). Melalui analisis kontrastif ini, perbandingan akan dilakukan ke atas faktor-faktor yang menyebabkan kelahiran sinonim dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab dengan melihat kepada aspek-aspek persamaan dan aspek-aspek perbezaan antara kedua-duanya.

FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDAN SINONIM DALAM BAHASA MELAYU

Fenomena sinonim wujud dalam setiap bahasa. Kewujudan sinonim dalam sesuatu bahasa dipengaruhi oleh corak kehidupan atau budaya bangsa yang menuturkan bahasa tersebut. Justeru, perbezaan pasti ada antara satu bangsa dengan bangsa yang lain dalam usaha meningkatkan khazanah kosa kata bahasa mereka dan mewujudkan kata sinonim bagi perkataan yang sudah sedia ada dalam kamus bahasa mereka. Kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

Peminjaman Bahasa

Haugen (dalam Carmel 1989: 12) mendefinisikan peminjaman bahasa sebagai, "The attempted reproduction in one language of patterns previously found in another." (Terjemahan: Satu usaha dalam sesuatu bahasa untuk menghasilkan kembali bentuk bahasa sebagaimana yang terdapat dalam bahasa lain). Dalam menghuraikan maksud peminjaman bahasa, Amat Juhari (1993: 717) menjelaskan bahawa peminjaman bahasa bermaksud pengambilan kata-kata asing atau unsur-unsur bahasa asing dan kemudiannya diserapkan ke dalam sesuatu bahasa untuk dijadikan sebahagian daripada bahasa berkenaan. Walau bagaimanapun, beliau (1993: 717) menambah, istilah peminjaman merupakan *misnomer* (pemberian kata istilah yang salah), kerana perkataan pinjam bererti mengambil sesuatu kemudian memulangkannya. Akan tetapi, dalam persoalan peminjaman bahasa tidak berlaku sedemikian. Bahasa diambil tanpa dipulangkan.

Proses peminjaman bahasa menyebabkan sesuatu bahasa itu menerima pelbagai kosa kata bahasa lain. Berdasarkan pandangan ahli-ahli Linguistik yang mengkaji bidang ini seperti Haugen (1969), Carmel (1989) dan Weinreich (1967), peminjaman berlaku kerana pertembungan antara dua bahasa atau lebih, baik kerana fakta sejarah seperti melalui penjajahan atau perdagangan mahupun kerana keperluan untuk melambangkan konsep-konsep baru yang tidak ada dalam bahasa yang meminjam. Dalam konteks bahasa Melayu, peminjaman yang berlaku kerana penjajahan dan perdagangan menyumbangkan banyak kosa kata dan secara tidak langsung meningkatkan bilangan kata sinonim dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu telah menerima unsur-unsur asing setelah berlaku pertembungan dengan pelbagai bangsa dan budaya. Bahasa asing yang pertama diterima oleh bahasa Melayu ialah bahasa sanskrit (Amat Juhari, 1993: 717). Hal ini terbukti dengan penemuan prasasti-prasasti yang bertulisan dan berbahasa sanskrit di daerah Kutai dan Kalimantan Timur yang bertarikh 400 Masehi (Moorhead, 1959: 51). Selain itu terdapat beberapa prasasti Melayu di Pulau Sumatera, Jawa, Champa, Vietnam dan Filipina. Kesemua prasasti ini menggunakan bahasa Melayu tetapi bertulisan Sanskrit, iaitu tulisan yang dibawa dari India.

Dalam teks tulisan itu pula terdapat beberapa patah perkataan Sanskrit (Amat Juhari, 1993: 717).

Menjelang kurun ke-13, pelbagai bahasa telah dibawa menyeberangi Selat Melaka oleh pelaut dan pedagang lalu tersebar ke Semenanjung Tanah Melayu melalui Melaka. Kedudukan Melaka yang strategik sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam menyebabkannya dikunjungi oleh saudagar-saudagar asing, guru-guru agama dan para penjajah. Pedagang Hindu dan Buddha memperkenalkan bahasa Sanskrit, Tamil dan Hindustan. Orang Islam dari Timur Tengah mengembangkan bahasa Arab dan orang Cina pula dengan pelbagai dialek mereka memperkenalkan kata-kata yang dalam sedikit masa sahaja menjadi kegunaan ramai (Brennan, 1992: 552).

Kata pinjaman Sanskrit kerap digunakan oleh masyarakat Melayu. Kata pinjaman tersebut kebanyakannya terdapat dalam bidang yang penting seperti pemerintahan dan pentadbiran. Contohnya perkataan berita, perdana menteri, suami, isteri, raja, permaisuri, bendahari, dosa, dusta, syurga dan neraka (Beg, 1981: 13). Kata pinjaman daripada bahasa Hindustan pula ialah seperti budiman, cukai, curi, cuti, kapas, kelas, kunci, roti dan topi (Brennan, 1992: 564). Kata pinjaman Tamil pula ialah seperti cemeti, apam, jodoh, katil dan keldai (Beg, 1981: 27).

Penyebaran Islam ke Tanah Melayu pula menjadi titik tolak kepada kewujudan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Selain pendakwah dan pedagang Islam yang datang dari Timur tengah, orang Melayu juga telah ramai menyambung pelajaran mereka di sana. Dengan demikian, lahirlah para cendekiawan Islam yang melibatkan diri dalam penyebaran Islam melalui proses penterjemahan buku-buku agama daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dan mendirikan pondok-pondok dan madrasah untuk pengajian agama. Melalui usaha penterjemahan dan pendidikan ini, kosa kata Arab semakin berkembang dalam bahasa Melayu. Antara kata pinjaman Arab ialah akal, batal, hadiah, wajah, waktu, taubat dan adab (Beg, 1977: 28-29).

Di samping itu, para pedagang dan penjajah Eropah turut meninggalkan pengaruh bahasa mereka terhadap bahasa Melayu. Penjajah Portugis bertanggungjawab memperkenalkan perkataan seperti almari, meja, mentega dan gereja (Brennan, 1992: 556). Penjajah Belanda pula memasukkan perkataan seperti duit, engsel, kamar, korupsi, kursus dan senapang dalam bahasa Melayu. Manakala kata pinjaman daripada bahasa Inggeris pula ialah seperti skuad, krisis, riben, artikel, generasi dan banyak lagi (Halimah, 1992: 1151; Brennan, 1992: 556).

Penyerapan Kata Dialek dan Kata Sukuan ke dalam Bahasa Melayu

Kepelbagaian dialek Melayu turut menjadi faktor penting kepada kewujudan kata sinonim dalam bahasa Melayu. Dialek didefinisikan oleh Francais (1983: 1) sebagai "... varieties of a language used by group smaller than the total community of speakers of the language." (Terjemahan: ... variasi-variasi satu bahasa yang dituturkan oleh kelompok yang lebih kecil daripada keseluruhan penutur bahasa tersebut). Menurut Collins (1986: xx) pula, "Dialek ialah satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat di dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu."

Fenomena dialek wujud dalam semua bahasa. Sesuatu bahasa itu, walaupun pada mulanya bersifat seragam, namun oleh kerana perbezaan kawasan dan cara hidup, bahasa tersebut akan memperlihatkan perbezaan-perbezaan kecil (Nik Safiah, 1996: 28). Bahasa Melayu merupakan bahasa induk kepada dialek-dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Dari segi sempadan kawasan, jelas bahawa Semenanjung Malaysia banyak mempunyai dialek daerah; dialek daerah utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Utara Perak),

daerah tengah (Tengah Perak, Selatan Perak, Utara Selangor), dialek daerah Negeri Sembilan dan Melaka, dialek daerah timur (Kelantan, Terengganu, Pahang) dan dialek daerah selatan (Johor). Sementara di Sabah dan Sarawak pula, terdapat pelbagai bahasa sukuan seperti Melayu Sarawak, Melayu Sabah, Iban, Kadazan, Murut dan Bajau (Sohaimi, 1996: 887).

Antara kata sinonim yang timbul daripada kata dialek ialah sejenis belalang yang dipanggil *pepatung* dalam kebanyakan dialek, tetapi ia dipanggil *cakcibau* dalam dialek Perak (Abdulah, 1982: 242). Perkataan *batas* pula di dalam dialek Kedah memberi erti jalan raya (Abdullah, 1982: 242). Perkataan *ambo* daripada dialek Kelantan bersinonim dengan dialek *eden* daripada dialek Negeri Sembilan yang bermaksud saya (Nik Safiah, 1996: 29).

Bahasa sukuan pula merupakan bahasa-bahasa yang dituturkan oleh etnik-etnik yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Berbeza dengan kata dialek, lazimnya penutur sesuatu bahasa sukuan itu tidak terdapat di sesuatu daerah sahaja. Contohnya bahasa Iban yang dituturkan oleh suku kaum Iban. Penutur bahasa tersebut tidak tinggal di satu kawasan sahaja, malah di seluruh Sarawak terdapat suku kaum Iban (Abdul Jalil, 1991: 432-433).

Antara kata sinonim yang timbul daripada kata sukuan ialah perkataan *merarau* yang menjadi sinonim kepada *makan tengahari*, perkataan *menggambi* menjadi sinonim kepada *makan malam* (Abdul Jalil, 1991: 439). Perkataan *pugai* merupakan kata sinonim kepada perkataan *guna-guna* dan perkataan *pugas* pula bersinonim dengan *meronta-ronta* (Kamus Dewan, 2007: 1241).

Pengwujudan Gaya Bahasa dan Nilai yang Berlainan

Keperluan mempelbagaikan gaya bahasa mengikut konteks dan situasi juga menjadi faktor kepada lahirnya kata sinonim. Sering kali kedengaran slogan yang mengatakan 'bahasa jiwa bangsa'. Slogan ini menggambarkan betapa besarnya peranan bahasa dalam sesuatu bangsa dan masyarakat sehingga diumpamakan sebagai jiwa, nadi atau nyawa kepada sesuatu bangsa. Teo (1998: 40) menyebut, "Matlamat bahasa secara keseluruhannya adalah untuk menyampaikan makna. Salah satu fungsi bahasa yang penting ialah sebagai alat komunikasi. Untuk melaksanakan fungsi ini bahasa wujud dalam pelbagai bentuk agar dapat memenuhi keperluan komunikasi dari semua aspek". Oleh itu, sebagai alat komunikasi, peranan bahasa bukan setakat menyampaikan sesuatu maklumat bahkan menjadi jambatan yang menghubungkan antara dua pihak.

Hakikat ini diakui oleh Palmer (1976: 35) dengan kenyataannya, "Banyak maksud yang hendak kita sampaikan bukan hanya idea semata-mata tetapi maksud merupakan hubungan individu atau sosial yang mengaitkan kita dengan orang lain." Lyons (1968: 449) pula menyebutkan, penggunaan bahasa melibatkan dua atau lebih keupayaan psikologi yang berbeza, satu aspek ialah keupayaan akal dan satu lagi ialah imaginasi serta perasaan. Daripada pendapat dua sarjana ini dapat dirumuskan bahawa bahasa terdiri daripada dua unsur, unsur luaran dan unsur dalaman. Unsur luaran terdiri daripada makna denotasi atau kognitif yang membolehkan sesuatu bahasa itu berperanan sebagai saluran maklumat dan sumber informasi kepada manusia. Manakala unsur dalaman pula terdiri daripada makna konotasi yang mengandungi makna emotif (emosi) dan evaluatif (nilai) yang membolehkan sesuatu perkataan itu difahami dengan lebih dalam.

Berhubung hal ini, Keraf (1991: 36) menyatakan, "Faktor ketiga yang menyebabkan adanya sinonim ialah makna emotif (nilai rasa) dan evaluatif. Makna kognitif dari kata-kata yang bersinonim itu tetap sama, hanya nilai evaluatif dan emotifnya berbeza. Keris Mas (1990: 28-29) pula menjelaskan, "Emosi dan evaluasi dalam makna mempunyai sebab yang pelbagai. Sebab-sebab itu pada dasarnya adalah kerana adanya hubungan sosial atau hubungan peribadi seseorang dengan seorang yang lain. Kewujudan hubungan ini menyebabkan timbulnya beberapa cara dan aturan menggunakan bahasa. Antaranya untuk

mempengaruhi orang supaya bersetuju dengan kita. Untuk itu kita menggunakan cara memujuk, menggertak, mengingatkan, menyindir dan sebagainya. Oleh itu gaya bahasa kita berubah-ubah sesuai dengan cara kita mempengaruhi seseorang itu. Hasil daripada gaya yang berubah-ubah itu menimbulkan makna yang bersifat konotasi atau evaluatif atau makna yang bersifat denotatif semata-mata.

Kepelbagaian makna yang timbul dalam bahasa ini secara tidak langsung telah membantu pertumbuhan kata sinonim. Menurut Abdullah (1992: 243), sinonim juga boleh wujud kerana gaya dan nilai yang berlainan. Contohnya perubahan gaya bahasa yang dituturkan berdasarkan keperluan pengungkapan yang ditentukan mengikut konteks yang perlu ditimbulkan. Gaya bahasa dalam berhubung dengan sahabat pasti tidak sama dengan bahasa yang seharusnya dipakai dalam majlis yang lebih formal. Sebagai contoh perkataan mangkat, wafat, mati, kojol dan mampus. Semuanya bermaksud mati, tetapi mangkat dipakai untuk raja, wafat untuk nabi, mati untuk orang biasa, kojol dan mampus pula digunakan untuk menyatakan erti yang sama dalam maksud yang kurang sopan. Dalam menjelaskan makna evaluatif atau nilai yang terdapat dalam kata sinonim pula, Keris Mas (1990: 25-26) menyebutkan, “Meninggal mengandungi nilai lebih sopan, mangkat mengandungi nilai kebesaran, wafat mengandungi nilai kesucian dan mampus mempunyai nilai paling rendah, layak untuk binatang.”

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dikatakan bahawa kewujudan sinonim adakalanya berlaku secara sengaja dan dirancang dan adakalanya berlaku secara tidak disadari. Daripada ketiga-tiga faktor yang dikemukakan, jelaslah penerapan kata asing menyumbang sebahagian besar daripada kosa kata dan kata sinonim yang terdapat dalam bahasa Melayu. Pengwujudan gaya dan nilai yang berlainan pula menunjukkan masyarakat Melayu mementingkan norma ketatasusilaan dalam berbahasa. Proses kemasukan kata asing, kata dialek dan kata sukuan serta usaha untuk mewujudkan nilai yang berbeza dalam berbahasa bukan sahaja memberikan kata sinonim kepada perkataan yang sedia ada dalam bahasa Melayu baku malah turut membuahkan kosa kata atau istilah baru untuk menerangkan sesuatu perkara, perbuatan atau pengertian yang belum ada sinonimnya dalam bahasa Melayu.

FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDAN KATA SINONIM DALAM BAHASA ARAB

Sepertimana yang berlaku pada sinonim dalam bahasa Melayu, kewujudan sinonim dalam bahasa Arab turut dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

Percampuran Dialek-Dialek Arab yang Berbeza

Masyarakat Arab terdiri daripada pelbagai kabilah yang sering berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mencari kawasan yang subur. Setiap kabilah Arab mempunyai bahasa atau dialek yang saling berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, dalam pelbagai dialek Arab, sesuatu makna atau objek dikenali dengan lebih daripada satu nama atau perkataan kerana setiap kabilah menamakan sesuatu dengan perkataan tertentu dan berbeza daripada dialek kabilah lain. Contoh perbezaan ini dijelaskan oleh al-Suyuti (dalam al-Jarim, 1935: 321) melalui kisah berikut yang bermaksud:

Al-Azdi dalam kitab al-Tarqis berkata: “Abu Bakr ibn Durayd memberitahu kami, ‘Abd al-Rahman menceritakan daripada bapa saudaranya, beliau berkata: “Seorang lelaki daripada Bani Kilab atau daripada Bani ‘Amir bin Sa’sa’ah telah keluar ke Dhi Jidn. Beliau mendongak ke anjung istana dan raja berada di situ. Tatkala raja melihatnya, beliau menyapanya dengan berkata **ثب** bermaksud ‘duduk.’” Lalu lelaki itu menjawab: “Ketahuilah Tuanku bahawa patik adalah hamba yang taat.” Lantas

beliau melompat dari anjung. Lalu raja berkata: “Kenapa dengan dia?” Mereka yang hadir berkata: “Semoga dilindungi Allah. Sesungguhnya الوثب dalam bahasa Nazzar ialah الطمر (turun dari atas ke bawah).” Raja berkata: “Bahasa kita tidak sama dengan bahasa mereka. Sesiapa yang mahu menetap di Zafr hendaklah bercakap dalam bahasa Himyar.” (Terjemahan bebas para penulis)

Kisah ini membuktikan wujudnya perbezaan antara dialek puak Himyar dan dialek Bani Kilab. Perkataan الوثب dalam bahasa Himyar membawa maksud القعود (duduk) sedangkan dalam dialek Bani Kilab, الوثب bermaksud القفز atau الطمر (melompat atau menerkam) (al-Jarim, 1935: 322).

Menurut al-Suyuti (t.th.: 405), kewujudan sinonim disebabkan dua faktor. Pertama, terdapat dua orang yang menamakan sesuatu benda atau perkara yang sama. Hal ini berlaku apabila satu kabilah menentukan satu nama bagi satu objek atau perkara atau keadaan, kemudian kabilah yang lain meletakkan nama yang berbeza bagi perkara yang sama dan fenomena ini tidak disedari oleh mana-mana kabilah. Faktor kedua pula ialah apabila satu sumber sahaja menamakan sesuatu dengan dua nama.

Kenyataan al-Suyuti menjelaskan bagaimana timbulnya fenomena persamaan makna antara dua perkataan yang berbeza. Walau bagaimanapun perkataan yang wujud dalam setiap dialek tidak akan tersebar luas tanpa adanya percampuran atau hubungan komunikasi antara kabilah-kabilah. Berhubung hal ini, Tawfiq (1980: 223) menjelaskan:

وجود الترادف في العربية يرجع إلى الاختلاط الكثير بسبب الهجرة الدائمة للعرب جريا وراء الكلاء أو حين يجتمعون في الأسواق، فيستعمل بعضهم ألفاظ بعض فتنشر تلك الألفاظ وتشيع على الألسنة.

Terjemahan: *Sinonim wujud dalam bahasa Arab kerana banyaknya berlaku percampuran di antara masyarakat Arab yang sentiasa berhijrah mencari kawasan yang subur ataupun ketika mereka berhimpun di pasar-pasar. Lalu mereka menggunakan bahasa kabilah lain sehingga perkataan itu tersebar antara mereka.* (Terjemahan bebas para penulis)

Hilal (1986: 292) pula menjelaskan, pertemuan antara dialek-dialek menyebabkan berlakunya pertembungan antara perkataan-perkataan sehingga lahir beberapa perkataan yang menunjukkan kepada satu pengertian. Dialek-dialek Arab telah mula bercampur antara satu sama lain melalui aktiviti-aktiviti seperti perniagaan, ibadah haji dan pertemuan di pasar-pasar. Pada musim haji umpamanya, orang-orang Quraish yang berperanan sebagai tuan rumah telah berkesempatan untuk berkenalan dengan kabilah-kabilah lain. Daripada perkenalan ini, mereka mendengar bahasa yang digunakan oleh kabilah lain lalu mengambil gaya bahasa dan perkataan yang indah daripada bahasa-bahasa tersebut. Selain itu, kewujudan pasar-pasar yang menjadi tempat masyarakat Arab berkumpul juga turut menyumbang kepada percampuran dialek Arab. Hasil percampuran ini lahirlah اللغة المشتركة (bahasa bersama) yang terdiri daripada perkataan pelbagai dialek (Ramadan, 1980: 316).

Antara dialek-dialek ini, dialek Quraish merupakan dialek yang paling masyhur dan banyak digunakan dalam percakapan. Hal ini kerana kelebihan masyarakat Quraish yang merupakan masyarakat Arab yang paling fasih. Abu al-Hassan Muhammad Ibn ‘Abbas al-Hashki (dalam al-Suyuti, t.th.: 211) meriwayatkan bahawa, para ilmuan bahasa Arab, para perawi puisi dan para ulama bahasa, sejarah dan geografi telah bersepakat bahawa bangsa Quraish mempunyai lidah yang paling fasih dan bahasa yang paling suci. Oleh itu Allah s.w.t. telah memilih mereka daripada sekalian bangsa Arab dan memilih dalam kalangan mereka Nabi Muhammad s.a.w.

Peminjaman Bahasa

Peminjaman bahasa turut menjadi faktor penting kepada kewujudan kata sinonim dalam bahasa Arab. Bahasa Arab telah meminjam banyak perkataan daripada bahasa-bahasa bangsa

lain yang bersebelahan dengannya pada zaman Jahiliah dan Islam (al-'Urayyan, 1991: 406). Dalam bahasa Arab peminjaman bahasa disebut dengan tiga istilah iaitu الاقتراض اللغوي, القرض والاستعارة اللغوية (Lu'aybi, 1980: 164). Peminjaman bahasa juga turut dikenali sebagai تعريب (*ta'rib*). *Ta'rib* didefinisikan sebagai memindahkan perkataan daripada bahasa asing kepada bahasa Arab dengan mengubah struktur atau pola perkataan tersebut. Kadang-kadang terdapat penambahan pengurangan atau pertukaran pada perkataan tersebut agar bentuknya sesuai dengan struktur perkataan Arab (Hilal, 1986: 186).

Tokoh-tokoh bahasa bersetuju bahawa peminjaman bahasa merupakan faktor penting kepada wujudnya kata sinonim dalam bahasa Arab. Menurut Ramadan (1980: 321), antara faktor meluasnya kata sinonim dalam bahasa Arab ialah peminjaman daripada bahasa-bahasa asing yang bersebelahan dengannya sejak zaman Jahiliah dan zaman Islam. Pendapat ini disokong oleh kenyataan Wafi (1968: 168):

الأسباب الحقيقية لكثرة المفردات والمترادفات يرجع أهمها إلى الأمور الآتية... :منها أنه قد انتقل إلى اللغة العربية من أخواتها السامية وغيرها مفردات كثيرة.

Terjemahan: *Faktor-faktor sebenar yang menyebabkan banyaknya kosa kata dan kata sinonim dalam bahasa Arab merujuk kepada perkara-perkara berikut: ... antaranya, banyak kosa kata daripada bahasa-bahasa Samiyyah (yang berasal daripada sumber yang sama dengan bahasa Arab) dan kosa kata daripada bahasa-bahasa lain telah berpindah ke dalam bahasa Arab.* (Terjemahan bebas para penulis)

Al-'Urayyan (1991: 406) pula mengukuhkan pandangan tersebut dengan katanya:

يعد الاقتراض اللغوي سببا من أسباب كثرة الترادف في العربية الفصحى، فقد كانت العربية تستعير من اللغات الأجنبية التي كانت تجاورها في الجاهلية و صدر الإسلام.

Terjemahan: *Peminjaman bahasa dianggap salah satu faktor lambakan kata sinonim dalam bahasa Arab. Sesungguhnya bahasa Arab telah meminjam perkataan daripada bahasa-bahasa asing yang bersebelahan dengannya pada zaman Jahiliah dan Islam.* (Terjemahan bebas para penulis)

Proses peminjaman bahasa telah berlaku dalam bahasa Arab sejak zaman Jahiliah dan zaman Islam. Walau bagaimanapun, pergaulan bangsa Arab dengan bangsa asing pada zaman tersebut masih terbatas (al-Antaki, t.th.: 444). Percampuran hanya dapat dilihat melalui hubungan orang-orang Quraish dengan Rom di Sham ketika musim panas, hubungan orang Yaman dengan orang Habsyah dan Parsi serta hubungan masyarakat Arab sekitar Teluk dan di Dataran Tinggi Iraq dengan orang Parsi dan India dalam urusan perniagaan dan ketenteraan (al-Antaki, t.th.: 444).

Pembukaan negara-negara Islam kemudiannya telah memberi ruang kepada masyarakat Arab untuk bergaul dengan bangsa-bangsa lain yang belum pernah mereka kenali. Maka banyak perkataan-perkataan daripada bahasa Parsi, Syria, Yunan, Kurdi Qibti dan Barbar telah diarakkan (Wafi, 1968: 195). Antara kata pinjaman yang wujud pada zaman ini sebagaimana yang disenaraikan oleh al-Antaki (t.th.: 444-445) ialah seperti berikut:

1. Daripada bahasa Parsi: الزنجبيل، الديقاج، السندس، البياقوت، الخوان، الإبريق، الكوز، الإبريق، الخوان، البياقوت، السندس، الديقاج، الزنجبيل
2. Daripada bahasa Rom: القنطرة، الترياق، القنطار، القبان، البطافة، القسطاس، الفردوس، القنطرة، الترياق، القنطار، القبان، البطافة، القسطاس، الفردوس
3. Daripada bahasa Habshah: المنبر، الكفلين، الهرج، المشكاة
4. Daripada bahasa Ibrani: الكاهن، العاشوراء، البهاء، السفينة، الصبح

Peristiwa Perang Salib yang berlaku antara orang Islam dan Kristian pula telah menyebabkan kemasukan bahasa Eropah moden ke dalam bahasa Arab. Kemasukan bahasa Eropah ini kian meluas kerana faktor-faktor seperti hubungan ekonomi, politik dan ilmu antara bangsa Arab dan bangsa Eropah serta aktiviti pertukaran pelajar dan penterjemahan karya-karya Perancis ke dalam bahasa Arab (Wafi, 1968: 195). Antara perkataan dalam bahasa Eropah yang diarakkan ialah التليفون، السينما، الراديو، التليفون (Ramadan, 1980: 368).

Menyentuh pandangan *al-Majma' al-Lughawi bi al-Qahirah* (Dewan Bahasa Kaherah) terhadap isu pengaraban perkataan asing, Ibrahim (1978: 131) menjelaskan bahawa Dewan

Bahasa mengharuskan penggunaan sebahagian perkataan asing ketika keadaan memerlukan dan proses pengaraban itu mestilah mengikut metode bahasa Arab. Hal ini bererti pengambilan perkataan asing dibolehkan, namun penggunaan perkataan Arab haruslah diutamakan. Perkataan asing seharusnya hanya digunakan apabila wujud keperluan. Di samping itu, disyaratkan agar proses pengaraban tidak merosakkan struktur bahasa Arab atau terkeluar daripada garis panduan yang telah ditetapkan.

Penggunaan Kata Sifat

Setiap objek mempunyai pelbagai sifat berdasarkan kepada bentuk atau ciri-ciri yang dimilikinya sama ada warna, fungsi, keadaan dan asal-usulnya. Masyarakat Arab sering menamakan sesuatu objek mengikut sifat objek tersebut. Sebagai contoh, rumah dinamakan *الدار* kerana sifatnya *مستديرة* (yang melitupi). Rumah turut dikenali dengan beberapa nama lain seperti *المنزل* kerana mengambil kira fungsinya sebagai *مكان النزول* (tempat persinggahan) bagi musafir, *المسكن* kerana keadaannya yang menjadi *موضع للسكنية* (tempat untuk ketenangan) dan *البيت* kerana fungsinya sebagai *مكان للمبيت* (tempat bermalam) (al-Mubarak, 1970: 200).

Penggunaan kata sifat yang meluas dalam kalangan bangsa Arab menjadi faktor penting kepada perkembangan kata sinonim dalam bahasa tersebut. Dalam hal ini Ramadan (1980: 318) menjelaskan, sesuatu objek pada asalnya hanya mempunyai satu nama. Kemudian nama itu disifatkan dengan pelbagai sifat mengikut ciri-ciri dan keadaannya. Sehingga tiba pada suatu ketika, kata sifat ini digunakan sebagai nama bagi sesuatu objek. Mereka lantas meluaskan penggunaannya sehingga mereka terlupa bahawa perkataan itu asalnya hanyalah kata sifat bagi objek tersebut.

Masyarakat Arab mencipta pelbagai perkataan bagi sesuatu objek. Faktor yang mendorong mereka berbuat demikian kerana mereka ingin berbangga dengan kekayaan bahasa dan keluasan kosa kata bahasa mereka (al-Jarim, 1935: 314). Walau bagaimanapun, terdapat tokoh bahasa yang tidak menerima pembentukan kata sifat sebagai nama atau dengan kata lain mereka menolak pengambilan kata sifat sebagai sinonim kepada kata nama. Mereka mengelaskan kata sifat dalam kategori perkataan lain yang berbeza dan tidak boleh disamaertikan dengan kata nama yang menunjukkan kepada zat objek itu sendiri. Al-Suyuti (t.th.: 405) mengemukakan satu kisah yang berlaku di majlis Sayf al-Dawlah yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada Shaykh Abu Bakr ibn al-Arabi dengan sanadnya daripada Abu 'Ali al-Farisi, beliau berkata: "Aku berada di majlis Sayf al-Dawlah di Halab bersama sekumpulan tokoh-tokoh bahasa yang salah seorang antara mereka ialah Ibn Khalawayh. Ibn Khalawayh berkata: "Aku menghafal 50 buah nama bagi al-Sayf." Lalu Abu 'Ali tersenyum dan berkata: "Aku tidak menghafal melainkan satu nama sahaja iaitu al-Sayf." Lantas Ibn Khalawayh berkata: "Bagaimana dengan *al-muhannad*, *al-sarim* dan lain-lainnya?" Jawab Abu 'Ali: "Itu semua adalah sifat. Engkau seolah-olah tidak dapat membezakan antara nama dan sifat." (Terjemahan bebas para penulis)

Ibn Faris (1977: 114) mengutarakan pandangan seperti berikut:

يسمى الشيء الواحد بالأسماء المختلفة نحو: السيف، المهند، الحسام. والذي نقوله في هذا: أن الاسم واحد وما بعده من الألقاب صفات.

Terjemahan: *Sesuatu objek dinamakan dengan nama-nama yang berbeza seperti al-sayf, al-muhannad dan al-husam. Pandangan kita dalam hal ini ialah: Nama bagi sesuatu objek hanyalah satu. Gelaran-gelaran lain yang timbul selepasnya merupakan kata sifat.* (Terjemahan bebas para penulis)

Golongan yang tidak menerima kata sifat sebagai kata sinonim ini mengemukakan alasan bahawa kata sifat hanya menerangkan sifat sesuatu objek itu, namun perlambangan kata sifat tidak sama dengan perlambangan yang ditunjukkan oleh kata nama. Perlambangan

kata nama menunjukkan kepada zat objek itu sendiri tanpa merujuk kepada bentuk, keadaan atau fungsinya, sedangkan perlambangan kata sifat tertumpu kepada salah satu sifat yang dimiliki oleh objek tersebut (al-'Urayyan, 1991: 413).

Pandangan ini disangkal oleh golongan yang mengiktiraf kata sifat sebagai kata sinonim. Mereka menegaskan, perkataan-perkataan yang merujuk kepada satu makna kesemuanya mempunyai perlambangan yang sama kerana ia tercipta untuk menunjukkan makna tersebut. Justeru, perkataan-perkataan yang merujuk kepada makna *al-'asal* contohnya, seperti *al-ridab*, *al-darb*, *al-darib*, *al-sabib*, *al-daha* dan lain-lain lagi semuanya merupakan nama bagi *al-'asal* dan perlambangan semua perkataan ini ialah kepada *al-'asal* (al-'Urayyan, 1991: 414).

Hujah yang diberikan oleh golongan pertama memang tidak dapat disangkal, namun hakikat ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak kata sifat daripada diiktiraf sebagai kata sinonim kepada kata nama. Hal ini sebagaimana kata al-Antaki (t.th.: 384):

وإن كان قد لحظ فيه معنى الصفة أول الأمر، إلا أنه بكثرة الاستعمال، نقل من الوصفية إلى الاسمية، وأصبح لا يعني أكثر مما يعني الاسم الصريح للذات.

Terjemahan: *Walaupun terdapat pengertian sifat dalam perkataan-perkataan tersebut, namun penggunaannya yang meluas menyebabkan status perkataan tersebut berubah daripada kata sifat kepada kata nama. Lantas kata sifat itu memberi pengertian yang tidak lebih daripada apa yang dimaksudkan dalam kata nama bagi zat berkenaan.* (Terjemahan bebas para penulis)

Al-Antaki (t.th.: 384) turut mengemukakan contoh 99 nama Allah s.w.t. seperti *al-Ghaffar*, *al-Rahim*, *al-Qadir*. Walaupun pada asalnya merupakan kata sifat, tetapi apabila disebut perkataan ini, umum memahaminya sebagai zat Allah s.w.t.

Kesimpulannya, pengambilan kata sifat dalam menamakan sesuatu objek sudah menjadi lumrah bagi masyarakat Arab. Kecenderungan menggunakan kata sifat telah menyebabkan lahirnya banyak kata sinonim. Keluasan penggunaan kata sifat sebagai nama bagi sesuatu objek membuktikan penerimaan masyarakat dan meletakkannya setaraf dengan kata nama asal.

Penggunaan Perkataan secara *Majazi*

Penggunaan perkataan secara *majazi* amat meluas dalam bahasa Arab. Para pemuisi dan penulis sering menggunakan *majaz* sebagai suatu seni untuk mengindahkan karya mereka (Ahmad Matlub, 1975: 84). *Majaz* bukan sahaja terdapat dalam penulisan sastera, malah turut digunakan dalam percakapan harian masyarakat Arab. Jelasnya, fenomena *majaz* amat meluas dan telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat Arab sehingga dianggap penting dan menjadi suatu keperluan dalam bahasa Arab. Abd al-'Aziz (1985: 178) menyebut, للمجاز دور الواسع في نمو اللغة (Terjemahan: *Majaz mempunyai peranan yang luas dalam pertumbuhan dan perkembangan bahasa*). Al-Suyuti (t.th.: 364) pula menegaskan, منكر المجاز في اللغة جاحد للضرورة، ومبطل محاسن اللغة العربية (Terjemahan: *Menolak majaz bererti menolak suatu keperluan dan memusnahkan keindahan bahasa Arab*).

Tokoh-tokoh bahasa Arab mengakui peranan *majaz* sebagai agen perkembangan bahasa dan dianggap sebagai salah satu faktor penyumbang kepada pembentukan kata sinonim dalam bahasa Arab. Tawfiq (1980: 223) menyebutkan, ada kalanya kewujudan sinonim berlaku melalui penggunaan *majaz* yang tersohor hingga mencapai tahap penggunaan pengertian *hakiki*.

Hilal (1986: 299) pula menjelaskan, kadang-kadang perkataan-perkataan digunakan dengan pengertian *majazi*. Apabila pengertian ini bertepatan dengan pengertian yang terdapat pada *kalam hakiki*, kedudukannya sebagai *majaz* dianggap *hakiki*. Lalu perkataan *majaz* ini

menjadi kata sinonim. Contohnya perkataan لسان (lidah) digunakan dengan makna لغة (bahasa) dan perkataan عين (mata) digunakan dengan maksud جاسوس (perisik).

Menurut Wafi (1968: 167), antara sebab pertambahan kosa kata dan kata sinonim dalam bahasa Arab ialah kerana terdapat banyak perkataan yang disebut dalam kamus sebagai kata sinonim, namun sebenarnya perkataan tersebut pada asalnya digunakan secara *majazi*.

Ternyata, penggunaan *majaz* yang meluas dalam bahasa Arab telah menjadikannya sebagai salah satu faktor perkembangan bahasa. Kata sinonim yang terbentuk daripada penggunaan *majaz* bukan setakat wujud dalam percakapan, malah sebahagiannya telah dimuatkan dalam kamus-kamus bahasa.

Perubahan Sebutan

Lidah manusia sememangnya agak berbeza antara satu sama lain dalam menuturkan sesuatu perkataan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya sebutan yang berlainan dalam mengungkapkan sesuatu perkataan. Sebutan yang berlainan ini pula akan melahirkan perkataan yang berbeza daripada perkataan asalnya. Fenomena ini disebut dalam bahasa Arab sebagai التطور الصوتي (al-‘Urayyan, 1991; Ramadan, 1980) atau التغير الصوتي (Hilal, 1986; Qaddur, t.th.). Dalam perbincangan ini para penulis akan menggunakan istilah perubahan sebutan bagi merujuk kepada fenomena ini.

Perubahan sebutan yang berlaku turut membawa kepada penambahan kosa kata dalam bahasa Arab. Justeru, perkara ini juga dianggap sebagai salah satu faktor kewujudan kata sinonim. Ibn Jinni (t.th.: 374) mengemukakan contoh berikut:

ما روى عن الأصمعي أنه قال: "اختلف رجلان في: (الصقر)، فقال أحدهما (الصقر) بالصاد، وقال الآخر: (السقر) بالسين، فتراضيا بأول وارد عليهما، فحكيا له ما هما فيه، فقال: لا أقول كما قلتما، إنما هو (الزقر)!"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada al-Asma‘i: “Dua orang lelaki telah berselisih pandangan tentang perkataan الصقر. Salah seorang daripada mereka menyebut الصقر (dengan huruf ص) dan seorang lagi menyebut السقر (dengan huruf س). Lalu kedua-duanya bersetuju untuk menerima pandangan orang yang mula-mula melalui tempat mereka. Lantas mereka menceritakan kepada orang ketiga apa yang berlaku antara mereka. Orang ketiga itu lalu menjawab: “Aku tidak menyebut sepertimana yang kamu sebut, tetapi aku menyebut الزقر (dengan huruf ز). (Terjemahan bebas para penulis)

Kisah yang dikemukakan ini menunjukkan berlakunya perubahan sebutan daripada huruf ص kepada س dan kemudiannya kepada ز. Fenomena ini disebut sebagai الإبدال (al-ibdal) iaitu pertukaran huruf. Satu lagi bentuk perubahan sebutan yang sering disebut sebagai faktor yang melahirkan kata sinonim ialah القلب المكاني (al-qalb al-makani), iaitu pertukaran tempat atau disebut القلب (al-qalab). Al-ibdal bermaksud sesuatu huruf menduduki tempat huruf yang lain, ada kalanya huruf itu mempunyai makhraj yang hampir dengan huruf yang diganti dan ada kalanya tidak hampir (al-Kirmali, t.th.: 18). Manakala al-qalb pula bermaksud mendahulukan sebahagian huruf daripada sebahagian yang lain dalam satu perkataan (al-Kirmali, t.th.: 16).

Menurut al-Jarim (1935: 325), al-ibdal dan al-qalb merupakan antara faktor-faktor lahirnya kata sinonim. Antara contoh al-ibdal ialah الأيم dan الأين (ular), فناء الدار dan ثناء الدار (halaman rumah) serta جدث dan جدف (kubur). Antara contoh al-qalb pula ialah ريبض menjadi رضب (tempat baring binatang), صاعقة menjadi صاعقة (halilintar) dan عميق menjadi معيق (yang mendalam). Al-Tha‘alibi (t.th.: 183) pula menjelaskan bahawa, antara kebiasaan masyarakat Arab ialah menggantikan huruf dan meletakkan huruf lain di tempat huruf yang asal seperti خرم (memujinya) diganti dengan مدمه, جد (bersungguh-sungguh) diganti dengan جذ dan خرم (melubangi) diganti dengan خزم. Masyarakat Arab juga selalu mengubah tempat huruf dalam

sesuatu perkataan seperti جذب (menarik) berubah menjadi جبذ, حبذ (biawak) menjadi بظ, بظ (mencampur) menjadi كبل dan طمس (menghapus) menjadi طسم .

Berdasarkan kenyataan dua tokoh di atas, ternyata fenomena *al-ibdal* dan *al-qalb* berlaku dengan meluas dalam kalangan masyarakat Arab sehingga melahirkan perkataan-perkataan baru yang menjadi kata sinonim kepada perkataannya yang asal. Walau bagaimanapun, terdapat tokoh bahasa yang tidak mengiktiraf perubahan sebutan sebagai faktor kewujudan kata sinonim. Al-'Urayyan (1991: 405) menyebutkan, perkataan-perkataan yang lahir daripada proses *al-ibdal* tidak dikira sebagai kata sinonim kerana perkataan-perkataan tersebut ditakwil merujuk kepada perkataan yang pertama sahaja. Perkataan yang berikutnya lahir hasil perubahan sebutan daripada persamaan yang terdapat dalam makhraj atau ciri-ciri huruf atau kedua-duanya sekali dan kadang-kadang terbentuk hasil proses *al-qalb al-makani*. Ibrahim Anis (1952: 172) pula berpendapat, perbezaan bentuk antara perkataan tersebut hanyalah secara zahir sahaja. Hakikatnya, bentuk-bentuk tersebut berasal daripada satu perkataan asal yang telah berubah kerana agen-agen perkembangan suara.

Kedua-dua tokoh di atas menolak faktor perubahan sebutan sebagai salah satu sumber kelahiran kata sinonim. Mereka mengemukakan hujah bahawa perkataan yang lahir daripada perubahan sebutan sebenarnya berasal daripada satu perkataan yang sama. Tambahan pula hanya pertukaran tempat antara dua huruf sahaja yang membezakan antara perkataan-perkataan tersebut. Oleh itu mereka berpendapat perkataan-perkataan ini tidak boleh dikatakan sebagai bersinonim.

Kesimpulannya, corak pertuturan masyarakat Arab yang sering mengganti huruf atau menukar kedudukan huruf dalam sesuatu perkataan menyebabkan lahirnya banyak perkataan baru. Meskipun faktor ini tidak diterima oleh sesetengah sarjana, namun para penulis tidak dapat menafikan bahawa fenomena ini turut menyumbang kepada peningkatan kosa kata dan perkembangan kata sinonim.

PERBANDINGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDAN SINONIM DALAM BAHASA MELAYU DAN ARAB

Kajian ini telah menemukan beberapa titik persamaan dan perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam menentukan faktor-faktor kewujudan kata sinonim dalam kedua-dua bahasa. Aspek-aspek persamaan berhubung faktor-faktor kewujudan sinonim dalam kedua-dua bahasa ialah seperti berikut:

Peminjaman Bahasa

Peminjaman bahasa merupakan faktor penting kepada wujudnya kata sinonim dalam bahasa Melayu dan Arab. Tokoh-tokoh bahasa Melayu (Abdullah, 1982; Keris Mas, 1990) meletakkan peminjaman bahasa sebagai faktor utama kepada kewujudan kata sinonim manakala tokoh-tokoh bahasa Arab (al-'Urayyan, 1991; Hilal, 1986) meletakkan peminjaman bahasa sebagai faktor kedua selepas percampuran dialek-dialek Arab. Walau bagaimanapun al-Antaki (t.th.: 442) menyebut, jika pada masa dulu, peminjaman bahasa dianggap sumber kedua kepada kosa kata yang diperlukan oleh bahasa Arab, akan tetapi pada hari ini ia menjadi sumber pertama untuk memenuhi keperluan bahasa Arab terhadap kosa kata. Justeru, fungsi peminjaman bahasa dilihat semakin penting oleh masyarakat Arab untuk meluaskan kosa kata dalam bahasa mereka dan secara tidak langsung menjadikannya faktor utama kepada wujudnya kata sinonim dalam bahasa Arab.

Kemasukan bahasa asing ke dalam bahasa Melayu dan Arab bermula setelah berlakunya percampuran dengan pelbagai bangsa dan budaya. Bahasa Melayu sendiri banyak

mengambil perkataan Arab setelah Tanah Melayu menerima kedatangan Islam. Proses perdagangan dan penjajahan merupakan dua faktor utama yang membawa kepada kemasukan bahasa asing ke dalam kedua-dua bahasa ini. Bezanya, bahasa Melayu menerima banyak kata pinjaman daripada bangsa-bangsa yang datang menjajah Tanah Melayu seperti Portugis, Belanda dan Inggeris sedangkan bahasa Arab banyak menerima kata pinjaman daripada bangsa-bangsa yang dijajah atau ditakluk semasa peluasan kuasa Islam seperti Parsi, Rom, Habsyah dan Yaman.

Penyerapan Kata Dialek dan Kata Sukuan

Dalam bahasa Melayu, di samping kata dialek, penyerapan kata sukuan ke dalam bahasa Melayu baku turut menyumbang kepada wujudnya kata sinonim. Fenomena kata sukuan ini hampir sama dengan fenomena dialek-dialek Arab. Kata sukuan yang terdapat di Malaysia merupakan bahasa yang dituturkan oleh sesuatu suku peribumi di Sabah dan Sarawak seperti suku Murut, Iban, Kadazan, Melanau dan Bidayuh. Antara satu suku dengan suku yang lain, lazimnya terdapat perbezaan daripada segi sebutan mahupun kosa kata (Abdul Jalil, 1991: 443). Dialek-dialek Arab pula merupakan dialek kabilah-kabilah Arab seperti Aws, Khuza'ah, Tamim, Asad dan Huzayl. Antara dialek-dialek ini juga wujud perbezaan sebagaimana kata sukuan.

Perkataan-perkataan yang terdapat dalam bahasa sukuan ini telah dikumpul dan disatukan ke dalam bahasa Melayu baku. Usaha menyatukan bahasa sukuan ini tidak sekadar bermatlamatkan untuk meluaskan kosa kata bahasa Melayu sahaja, malah usaha ini merupakan satu langkah untuk mewujudkan integrasi nasional antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak (Abdul Jalil, 1991: 443). Demikian juga keadaannya dengan dialek Arab yang telah disatukan hingga lahirnya bahasa persuratan atau bahasa Fusha. Bahasa Arab Fusha ini bukan sahaja menjadi bahasa rasmi bagi bangsa Arab, malah menjadi bahasa yang menyatukan umat Islam di seluruh dunia kerana kedudukannya sebagai bahasa al-Quran.

Manakala, aspek-aspek perbezaan berhubung faktor-faktor kewujudan kata sinonim dalam kedua-dua bahasa dapat dilihat dari sudut berikut:

Fenomena Dialek Melayu dan Dialek Arab

Fungsi dialek dalam bahasa Melayu dan Arab dalam mewujudkan kata sinonim amat ketara sekali. Walau bagaimanapun, fenomena dialek Melayu dan Arab tetap berbeza. Antara faktor yang mewujudkan dialek dalam bahasa Melayu ialah faktor geografi dan waktu. Teo (1997: 41) menyebut, halangan-halangan geografi seperti jarak serta bentuk muka bumi seperti gunung-ganang dan sungai adalah antara faktor yang selalu dikaitkan dengan dialek. Faktor waktu, iaitu lamanya perpecahan atau perpisahan satu bahasa di dua atau lebih kawasan yang jaraknya agak jauh dan ditambah pula dengan ketiadaan hubungan yang kerap antara masyarakat yang terpisah itu adalah antara sebab-sebab lain wujudnya dialek.

Daripada kenyataan di atas dapat difahami bahawa, perpisahan antara penutur-penutur bahasa telah mewujudkan dialek. Kewujudan dialek ini pula disebabkan oleh pengaruh alam sekitar dan pengalaman yang diperolehi di tempat masing-masing. Namun begitu, menurut Sohaimi (1996: 848), dialek-dialek yang wujud ini tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Hal ini kerana perpisahan dialek-dialek yang terdapat di Malaysia dengan bahasa induknya belum begitu lama. Perbezaan yang ketara antara dialek-dialek ini ialah pada aspek sebutan dan sistem fonologi. Sebagai contoh, perkataan beras disebut dalam dialek Perak sebagai *bereh*, dalam dialek Pulau Pinang dan Kedah disebut sebagai *berayh*, dalam dialek Negeri Sembilan disebut sebagai *boreh* dan dalam dialek Kelantan pula disebut *berah* (Asmah, 1977:

9). Perkataan-perkataan yang wujud hasil perbezaan ini tidak dianggap sebagai kata sinonim. Sesuatu kata dialek boleh dianggap sebagai kata sinonim apabila strukturnya benar-benar berbeza daripada dialek lain dalam menunjukkan kepada pengertian yang sama. Contohnya perkataan *beritahu*, dalam dialek Kelantan disebut sebagai *royat* (Kamus Dewan, 2007: 1345) Perkataan *ular* pula disebut dalam dialek Kelantan sebagai *cewe* (Abdul Hamid, 1993: 94; Kamus Dewan, 2007: 277).

Dalam bahasa Arab, dialek-dialek yang terdapat di dalamnya merupakan dialek kabilah-kabilah Arab. Setiap dialek saling berbeza antara satu sama lain daripada aspek perkataan dan cara pertuturannya. Setelah berlakunya pertemuan antara kabilah-kabilah Arab ini, maka wujud percampuran antara dialek-dialek yang ada dan lahirlah suatu bahasa penyatuan yang dikenali sebagai bahasa Fusha. Fenomena percampuran dialek-dialek Arab ini hampir sama dengan fenomena peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab kerana perkataan-perkataannya lahir daripada sumber yang berlainan. Namun begitu, kata dialek masing-masing berasal daripada satu rumpun bahasa yang sama dan dituturkan oleh bangsa Arab sedangkan kata pinjaman berasal daripada bahasa asing yang dituturkan oleh bangsa bukan Arab.

Penggunaan Kata Sifat

Dalam bahasa Melayu, penggunaan kata sifat ke atas objek-objek tertentu adalah terhad. Sesuatu objek dikenali berdasarkan sifatnya apabila tidak ada satu nama khusus yang menunjukkan kepadanya. Kebanyakan objek yang menggunakan kata sifat ini dimulakan dengan imbuhan 'pe'. Contohnya perkataan *penyangkut kain*, *pendingin hawa* dan *pemadam papan hitam* (Abdullah & Ainon, 1994: 85).

Kata sifat juga boleh menjadi kata nama khas bagi individu atau haiwan apabila ia diletakkan sebagai gelaran dengan menambah 'Si' atau 'Che' seperti *Si Cantik*, *Si Bodoh*, *Si Pekak*, *Che' Bulat* dan *Che' Hitam* (Za'ba, 1958: 128). Contoh gelaran haiwan pula ialah *Pak Belang* dan *Si Tompok* (Nik Safiah et al., 1995:99). Harimau terkenal dengan gelaran *Pak Belang* kerana mempunyai corak kulit yang berbelang-belang. Kucing pula terkenal dengan panggilan *Si Tompok* apabila memiliki kulit yang bertompok-tompok. Walau bagaimanapun, penggunaan kata sifat ini lazimnya hanya digunakan dalam percakapan dan cerita. Kata ini tidak menjadi kata sinonim kepada perkataan asalnya.

Dalam bahasa Arab, pemakaian kata sifat amat meluas. Boleh dikatakan kebanyakan kata sinonim bagi perkataan-perkataan Arab berasal daripada kata sifat. Contohnya perkataan المنزل (rumah) mempunyai beberapa kata sinonim berdasarkan sifat yang dimilikinya seperti البيت, المسكن, الدار. Begitu juga perkataan الأسد (singa) yang memiliki kata sinonim daripada sifatnya seperti الخطار, الخطام, والباسل. Kecenderungan menggunakan kata sifat dan keluasan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Arab menyebabkannya turut diletakkan sebagai salah satu faktor yang mewujudkan kata sinonim dalam bahasa Arab. Ringkasnya, dalam bahasa Arab, kata sifat diambil menjadi kata sinonim bagi kata nama yang sedia ada bagi menambah bilangan kosa kata dalam bahasa mereka, sedangkan dalam bahasa Melayu, kata sifat diambil sebagai kata nama bagi sesuatu objek kerana tidak ada satu perkataan yang khusus untuk menunjukkan kepada objek tersebut.

Penggunaan Majaz atau Metafora

Dalam bahasa Melayu, penggunaan perkataan secara *majazi* disebut sebagai metafora. Metafora tergolong dalam salah satu unsur gaya kiasan dan digunakan dengan meluas dalam bidang sastera untuk mengindahkan bahasa. Antara contoh metafora dalam bahasa Melayu

ialah 'Dia sememangnya *jelatang* di kampung kami' dan 'Kata orang ada sekuntum *cempaka* di pejabatmu' (Keris Mas, 1990: 150).

Penggunaan metafora dan gaya bahasa kiasan dalam percakapan dan penulisan bertujuan untuk menerangkan sesuatu maksud kepada pendengar, menguatkan sesuatu karangan atau percakapan untuk menarik pendengar dan meninggalkan kesan di hati mereka, mengindahkan bahasa dan mengelakkan daripada menyebut sesuatu perkara yang tidak ingin dinyatakan secara terang-terangan (Za'ba, 1965: 191). Walau bagaimanapun, perkataan metafora atau perkataan-perkataan yang lahir daripada bahasa kiasan ini tidak digunakan dalam kamus-kamus Melayu atau tesaurus untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan. Dengan kata lain, walaupun penggunaan gaya bahasa kiasan turut menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu, namun keluasan penggunaannya tidak mengangkatnya sebagai kata sinonim kepada sesuatu ucapan yang *hakiki*. Tokoh-tokoh bahasa Melayu juga tidak meletakkan penggunaan metafora sebagai salah satu faktor yang mewujudkan kata sinonim. Sebaliknya, dalam bahasa Arab, penggunaan ucapan *majazi* yang meluas dalam kalangan masyarakat Arab hampir meletakkannya setaraf dengan ucapan *hakiki* sehingga sesetengah ungkapan *majaz* turut dijadikan kata sinonim bagi perkataan *hakiki*.

Perubahan Sebutan

Dalam bahasa Melayu, persoalan yang sering timbul berkaitan fenomena ini ialah perbezaan sistem fonologi dalam kalangan masyarakat Melayu ketika menyebut sesuatu perkataan. Persoalan ini timbul kerana wujudnya kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu. Dalam dialek Melayu Sarawak umpamanya, perkataan yang berakhir dengan vokal 'a' terbuka akan ditambah dengan huruf 'k'. Sebagai contoh, *juga* menjadi *jugak*, *gila* menjadi *gilak* dan *gula* menjadi *gulak*. Dalam dialek Negeri Sembilan pula, perkataan yang berakhir dengan 'is' seperti *habis*, *manis*, *tulis* dan *kudis* akan menjadi *abeh*, *maneh*, *tuleh* dan *kudeh*. Manakala Perkataan *air* pula dalam dialek Perak disebut *ayo*, dalam dialek Kedah disebut *ayak* dan dalam dialek Negeri Sembilan *ae* (Yeop Johari, 1997: 35). Walau bagaimanapun perkataan yang lahir hasil kepelbagaian fonologi ini tidak dianggap sebagai sinonim bagi perkataan asalnya. Fenomena yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu ini hampir sama dengan fenomena *al-ibdal* dalam bahasa Arab. Fenomena *al-ibdal* dan *al-qalb* juga terdapat dalam bahasa Melayu. Namun begitu kewujudannya agak terhad dan tidak meluas sebagaimana dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, perkataan 'pinta' dan 'minta' yang memberikan maksud yang sama. Manakala perkataan 'merompak' dan 'merampok' yang sama-sama membawa maksud mencuri dengan memecah rumah, mengambil barang dengan paksa (Kamus Dewan, 2007: 1279).

Dalam bahasa Arab, fenomena perubahan sebutan wujud dengan meluas melalui proses *al-ibdal* dan *al-qalb*. Oleh itu, timbul banyak perkataan baru yang sememangnya berasal daripada perkataan yang sama. Menyentuh persoalan ini Ibn al-Sikkit (Ibrahim, 1978: 69) menyebut, orang Arab telah menukarkan sesuatu huruf dengan huruf yang lain tanpa alasan yang nyata. Tiap-tiap daripada mereka bertutur mengikut apa yang diinginkan dan disukai. Ada kalanya dengan huruf و dan ada kalanya dengan huruf و . Keadaan ini berlaku mungkin kerana mereka tidak dapat menyebut sesuatu huruf dengan baik atau mereka tidak suka memaksa diri mereka menyebut sesuatu yang sukar untuk dilafazkan.

Dapat difahami secara jelas bahawa perubahan sebutan yang berlaku pada perkataan Melayu tidak dianggap kata sinonim bagi perkataan asal, tetapi merupakan suatu bentuk kepelbagaian (variasi) fonologi di antara dialek-dialek yang terdapat di Malaysia. Manakala perubahan sebutan yang berlaku pada perkataan-perkataan Arab turut dianggap sebagai salah satu faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Arab.

Mewujudkan Nilai yang Berbeza dan Menjaga Norma Kesantunan dalam Berbicara

Masyarakat Melayu terkenal sebagai masyarakat yang amat mementingkan ketatasusilaan dalam berkomunikasi. Hal ini dibuktikan melalui kewujudan banyak kata sinonim bagi kata ganti nama diri dan penggunaan sistem panggilan dan sapaan yang disesuaikan mengikut perbezaan sosial, keturunan, ekonomi, umur, ilmu dan jawatan seseorang. Kata sinonim bagi kata ganti nama diri pertama ialah *saya, aku, beta* dan *patik*. Kata sinonim bagi kata ganti nama kedua ialah seperti *awak, engkau, anda* dan *kamu* manakala sinonim bagi kata ganti nama diri ketiga ialah *dia, ia, beliau, mereka* dan *baginda*. Perkataan *saya* dianggap ‘bahasa halus’ yang menampakkan unsur kesopanan dalam pertuturan. Perkataan *aku, awak, kamu, engkau* dan *dia* pula adalah ‘bahasa basahan’ yang digunakan dalam suasana yang tidak rasmi, manakala perkataan *beta, patik* dan *baginda* merupakan bahasa istana. Perkataan *anda, beliau* dan *mereka* merupakan ‘bahasa rasmi’ dan kata ganti nama *ia* digunakan untuk bukan manusia (Abdullah & Ainon, 1994: 121). Oleh itu, kebanyakan tokoh-tokoh bahasa Melayu meletakkan persoalan konteks serta nilai emotif dan evaluatif sebagai elemen penting dalam pembentukan kata sinonim.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang memiliki kosa kata yang luas dan kata sinonim yang mencakupi hampir setiap aspek makna serta dapat memenuhi setiap pengertian. Namun begitu, kata sinonim yang berbeza mengikut nilai tidak begitu meluas sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Melayu. Masyarakat Arab mempunyai nilai yang berbeza terhadap aspek budaya santun berbahasa. Penggunaan kata ganti nama diri biasanya tidak berubah meskipun wujudnya perbezaan-perbezaan sosial, umur, pangkat dan sebagainya antara individu yang sedang berkomunikasi. Antara perkataan sinonim yang berbeza berdasarkan nilai dalam bahasa Arab ialah *عقيلته* dan *زوجته* yang bermaksud isteri. Perkataan *عقيلة* digunakan bagi golongan atasan manakala perkataan *زوجة* digunakan bagi golongan biasa (‘Umar, 1982: 71). Dalam konteks kata ganti nama pula, perbezaan nilai hanya dapat dilihat dalam penggunaan kata ganti nama *نحن* sebagai menggantikan kata ganti nama *أنا* bagi golongan atasan dan kata ganti nama *أنتم* digunakan untuk menggantikan kata ganti nama *أنت* apabila berkomunikasi dengan orang yang dihormati. Perkara ini dapat dilihat dalam surat Dewan Bahasa Arab yang ditujukan kepada Wafi (1968: i) yang berbunyi:

عرض على لجنة الأدب في المجمع كتابكم "علم اللغة" و"صنوه" "فقه اللغة"، وقد حمدت لكم اللجنة ما بذلت من جهد في البحث والدرس والاستخلاص...

Terjemahan: *Buku tuan yang bertajuk “Ilmu al-Lughah” dan “Fiqh al-Lughah” telah dikemukakan kepada Panel Sastera di Dewan Bahasa. Pihak panel telah merakamkan penghargaan atas usaha yang tuan curahkan dalam kajian dan penyelidikan ...*
(Terjemahan bebas para penulis)

Dalam surat di atas, kata ganti nama diri *كم* atau *أنتم* digunakan sebagai tanda penghormatan kepada Wafi.

Aspek-aspek persamaan dan perbezaan bagi faktor-faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab dapat diringkaskan sebagaimana dalam jadual berikut:

JADUAL 1. Persamaan dan Perbezaan Faktor Kewujudan Sinonim dalam Bahasa Melayu dan Arab

Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Persamaan	1. Peminjaman bahasa merupakan faktor utama kewujudan sinonim.	1. Peminjaman bahasa turut menjadi faktor utama kewujudan sinonim.
	2. Penyerapan kata sukuan yang saling berbeza bermatlamat menyatukan rakyat Malaysia.	2. Penyerapan kata dialek yang berbeza hasil percampuran kabilah-kabilah Arab melahirkan bahasa Arab Fusha yang menyatukan umat Islam.

Perbezaan

- | | |
|---|---|
| 1. Dialek-dialek Melayu tidak banyak berbeza antara satu sama lain dan tidak banyak kata sinonim diambil daripadanya. | 1. Dialek-dialek kabilah Arab banyak berbeza antara satu sama lain dan banyak menyumbang kepada kewujudan kata sinonim. |
| 2. Kata sifat dijadikan nama bagi sesuatu objek kerana tidak ada nama khusus untuk melambangkannya. | 2. Kata sifat dijadikan kata sinonim bagi nama yang sedia ada bagi menambah kosa kata Arab. |
| 3. Keluasan penggunaan perkataan metafora tidak menjadikannya kata sinonim bagi ungkapan <i>hakiki</i> . | 3. Penggunaan perkataan <i>majaz</i> yang meluas hampir meletakkannya setaraf dengan ucapan <i>hakiki</i> sehingga terdapat ungkapan <i>majaz</i> yang menjadi kata sinonim bagi ungkapan <i>hakiki</i> . |
| 4. Perubahan sebutan hanyalah suatu bentuk kepelbagaian fonologi dan tidak dianggap kata sinonim. | 4. Perubahan sebutan hasil proses <i>al-ibdal</i> dan <i>al-qalb</i> turut dianggap sebagai faktor kewujudan sinonim. |
| 5. Norma kesopanan dalam berbahasa turut menjadi faktor wujudnya kata sinonim yang berbeza pada nilai. | 5. Lebih menekankan kepada aspek memenuhi keperluan makna berbanding aspek nilai dan kesantunan berbahasa. |

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bahasa Melayu dan bahasa Arab sama-sama memperlihatkan perkembangan fenomena sinonim. Peminjaman bahasa menjadi faktor penting bagi kedua-dua bahasa dalam melahirkan kata sinonim. Dalam usaha meluaskan khazanah kosa kata, proses peminjaman bahasa asing perlu diteruskan. Peminjaman perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu sewajarnya ditingkatkan agar masyarakat Islam lebih terdedah kepada bahasa al-Quran di samping membantu memahami dan mendekati dua sumber perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-hadis. Menyentuh tentang penyerapan kata dialek, faktor ini tidak begitu menyumbang kepada peningkatan kata sinonim dalam bahasa Melayu. Hal ini berbeza dengan bahasa Arab yang telah mengumpulkan banyak kata sinonim daripada dialek-dialek yang saling berbeza. Walau bagaimanapun, proses penyerapan kata sukuan merupakan langkah yang wajar ke arah meningkatkan kosa kata bahasa Melayu. Justeru, usaha memperkenalkan kata sukuan sewajarnya dimulakan di peringkat pendidikan rendah agar para pelajar terdedah kepada penggunaannya.

Kecenderungan masyarakat Arab dalam menghasilkan kata sinonim lebih terserlah berbanding masyarakat Melayu berdasarkan beberapa amalan atau kebiasaan mereka yang menjadi sumber kepada pembentukan kata sinonim seperti menamakan objek tertentu berdasarkan sifat objek tersebut, menggunakan perkataan secara *majazi* serta melakukan *al-ibdal* dan *al-qalb* pada sesetengah perkataan. Wujudnya objek-objek yang hanya dikenali dengan sifat dan fungsinya seperti penajam pensil, pemadam papan hitam, pemulas skru dan sebagainya menunjukkan bahasa Melayu masih ketandusan perkataan bagi memenuhi keperluan makna. Walau bagaimanapun, keprihatinan masyarakat Melayu terhadap aspek kesantunan, kehalusan jiwa dan kesopanan dalam berbicara telah menyumbang kepada terbentuknya kata sinonim khususnya bagi kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan bahawa perkembangan sesuatu bahasa banyak bergantung kepada usaha dan kesungguhan bangsanya dalam meluaskan penggunaannya dan memperkaya khazanah perbendaharaan kata. Walaupun adakalanya bahasa berkembang tanpa disedari dan dirancang, namun minda dan tenaga manusia

merupakan agen utama yang menggerakkan agenda pengayaan sesuatu bahasa. Justeru, dalam konteks perkembangan bahasa ibunda, setiap individu yang menjadi penutur atau pengguna bahasa, perlu berperanan untuk mengisi kekosongan perkataan dalam melambangkan sesuatu pengertian dan mewujudkan kata sinonim bagi perkataan yang sedia ada.

RUJUKAN

- 'Abd al-'Aziz 'Atiq. 1985. *Fi al-balaghah al-'Arabiyyah: 'Ilm al-badi'*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Abdul Hamid Mahmood. 1993. Ciri-ciri dialek Kelantan yang mempengaruhi bahasa Melayu baku. Dlm. Farid M. Onn & Ajid Che Kob (Peny.) *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jalil Hj. Anuar. 1991. Sumbangan bahasa sukuan dalam memperkayakan kosa kata bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 432-439.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. *Tatabahasa dinamika*. t.t.: Utusan Publications Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. 1982. *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ahmad Matlub. 1975. *Funun balaghyyah*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Mukhtar 'Umar. 1982. *'Ilm al-Dalalah*. Kuwait: Maktabat Dar al-'Arubah.
- Amat Juhari Moain. 1993. Pengayaan bahasa melalui proses peminjaman dan penyerapan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(8), 717-724.
- al-Antaki Muhammad. t.th. *al-Wajiz fi Fiqh al-Lughah*. t.t.: Maktabah al-Shahba'.
- Beg, M. A. J. 1977. *Arabic loanwords in Malay: A comparative study*. Kuala Lumpur: Sally Printing Service.
- Beg, M.A.J. 1981. *Indo-Sanskrit loanwords in Malay*. Kuala Lumpur: Champion Printers Sdn. Bhd.
- Brennan, H. 1992. Peminjaman bahasa leksikal dalam bahasa Melayu: Terj. Asiah Idris. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36 (6), 552-565.
- Carmel Heah Lee Hsia. 1989. *The influence of English on the lexical expansion of bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1986. *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis, W.N. 1983. *Dialectology: An introduction*. London: Longman.
- Halimah Hj. Ahmad. 1992. Pengaruh peminjaman bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu dalam bidang sukan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36(12), 1147-1154.
- Hilal 'Abd al-Ghaffar Hamid. 1986. *'Ilm al-Lughah bayna al-Qadim wa al-Hadith*. t.t.: Matba'ah al-Jablawi.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad. 1977. *al-Sahibi*. Sunt. Ahmad Saqr. Kaherah: Matba'at 'Isa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman. t.th. *al-Khasa'is*. Sunt. Muhammad 'Ali al-Najjar. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibrahim Anis. 1978. *Min Asrar al-Lughah*. Kaherah: Maktabat al-Anjilu al-Misriyyah.
- al-Jarim, 'Ali. 1935. al-Taraduf. *Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*, Oktober, 303-331.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ke-4.
- Keraf, G. 1991. *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Pt Framedia Pustaka Utama.
- Keris Mas. 1990. *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- al-Kirmali, al-Ab Ansas Mari. t.th. *Nushu' al-Lughah al-'Arabiyyah wa Numuwuwa wa Iktihaluha*. t.t.: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Lu'aybi, Hakim Malik. 1980. *al-Taraduffi al-Lughah*. Baghdad: Dar al-Hurriyyah.
- Lyons, J. 1968. *Introduction to the teoritical linguistics*. London: Cambridge University Press.
- Moorhead, F.J. 1959. *A History of Malacca and her Neighbours*. London: Longman.
- al-Mubarak, Muhammad. 1970. *Fiqh al-Lughah wa Khasa'is al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Anis, Ibrahim, Muntasir, 'Abd al-Halim, al-Sawalihi 'Atiyyah & Ahmad Muhammad Khalf Allah. t.th. *al-Mu'jam al-Wasit*. t.t.: t.p.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1996. Antara dialek dengan bahasa baku. *Pelita Bahasa*, April: 28-29.
- Palmer, F.R. 1976. *Semantics*. London: Cambridge University Press.
- Pateda, M. 1986. *Semantik leksikal*. t.t.: Nusa Indah.
- Qaddur, Ahmad Muhammad. t.th. *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ramadan 'Abd al-Tawwab. 1980. *Fusul fi Fiqh al-Lughah*. Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Raminah Sabran & Rahim Syan. 1985. *Kajian bahasa untuk pelatih maktab perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Nasir & Noor Ein Hj. Mohd. Noor (Pnys.) 1997. *Kamus linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1996. Dialek dalam karya sastra Melayu moden dan peranannya dalam penyusunan kamus besar bahasa Melayu: Satu tinjauan awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(9), 346-349.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalal al-Din. t.th. *al-Muzhir fi 'Ulum al-Lughah wa Anwa'iha*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Tarigan, H.G. 1985. *Pengajaran semantik*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Tawfiq Muhammad Shahin. 1980. *'Awamil Tanmiah al-Lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah.
- Teo Kok Seng. 1998. Makna dalam bahasa. *Pelita Bahasa*, April: 40-43.
- al-Tha'alibi, Abu Mansur 'Abd al-Malik ibn Muhammad. t.th. *Fiqh al-Lughah*. t.t.: t.p.
- al-'Urayyan, Muhammad 'Abd al-Hafiz. 1991. *Lahjah al-'Arab: Dirasah Tahliliyyah*. Kaherah: Maktabat Abna' Wahbah Hasan.
- Wafi 'Ali 'Abd al-Wahid. 1968. *Fiqh al-Lughah*. t.t.: Lujnah al-Bayan al-'Arabi.
- Yeop Johari Yaakob. 1987. *Liku-liku bahasa Malaysia*. t.t.: International Book Service.
- Za'ba. 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Noor Eliza Abdul Rahman

Merupakan penolong pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bidang pengkhususan beliau ialah pendidikan bahasa Arab, linguistik Arab dan terjemahan.

Mohd Shahrizal Nasir

Merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bidang pengkhususan beliau ialah pendidikan bahasa Arab, sastra Arab, sastra Islam dan sastra bandingan (Arab-Melayu).